

FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL DALAM LOGISTIK HALAL: SATU PENEROKAAN KONSEPTUAL

CRITICAL SUCCESS FACTORS IN HALAL LOGISTICS: A CONCEPTUAL EXPLORATION

Mohamad I'rfan Shahrudin¹
Nor'azzah Kamri²
Suhaili Sarif³

¹Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

¹Islamic Business School, College of Business, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia
(Email: m.irfan.shahrudin@uum.edu.my)

²Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
(Email: azzah@um.edu.my)

³Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
(Email: suhaili@um.edu.my)

Article history

Received date : 15-6-2023

Revised date : 16-6-2023

Accepted date : 28-7-2023

Published date : 15-9-2023

To cite this document:

Shahrudin, M. I., Kamri, N., & Sarif, S. (2023).
Faktor kejayaan kritikal dalam logistik halal: Satu
penerokaan konseptual. *Journal of Islamic, Social,
Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 67 - 75.

Abstrak: Logistik halal merupakan salah satu elemen penting dalam sistem rangkaian bekalan halal. Sektor logistik amat signifikan dalam mengembangkan perdagangan global terhadap produk yang mendapat pengesahan halal. Untuk memastikan kejayaan logistik halal, kertas konsep ini bertujuan untuk meneroka faktor yang mempengaruhi keberkesanan dan kejayaan logistik halal berdasarkan Critical Success Factors (CSF). Kajian konsep ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dengan memberi fokus terhadap artikel yang membincangkan tentang CSF dalam logistik halal. Peranan pensijilan halal, sokongan kerajaan, teknologi maklumat, pengurusan pengangkutan dan penyimpanan, serta kebolehsanaan halal merupakan tema CSF yang dibincangkan di dalam kertas konsep ini. Akhir sekali, kertas konsep ini juga membincangkan CSF dalam industri logistik halal dan memberikan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan terhadap pengurusan logistik halal.

Kata Kunci: Logistik halal, faktor kejayaan kritikal, pengurusan pengangkutan, pengurusan penggudangan, pengurusan logistik

Abstract: Halal logistics is one of the crucial elements in the halal supply chain system. The logistics sector plays a significant role in expanding global trade in halal-certified products. To ensure the success of halal logistics, this conceptual paper aims to explore the factors influencing the effectiveness and success of halal logistics based on Critical Success Factors (CSF). This study employs a qualitative content analysis method with a focus on articles discussing CSFs in halal logistics. The roles of halal certification, government support, information technology, transportation and storage management, as well as halal traceability are the CSF themes discussed in this conceptual paper. Finally, this conceptual paper also

discusses CSFs in the halal logistics industry and provides recommendations to enhance the effectiveness of halal logistics management.

Keywords: *Halal logistics, critical success factors, transportation management, warehouse management, logistics management*

Pengenalan

Logistik merupakan komponen dalam sistem rantai bekal. Pengurusan sistem rantai bekal dibentuk berdasarkan empat komponen utama iaitu pengurusan bekal, pengurusan operasi, logistik, dan integrasi (Jaafar et al., 2016). Lummus et al. (2001) menyatakan logistik merupakan proses pengangkutan, penggudangan, dan pengedaran secara fizikal. Aktiviti logistik dapat dilihat menerusi pergerakan keluar dan masuk, dalaman dan luaran, pergerakan bahan mentah atau barang siap, dan pemulangan barangan salah atau rosak. Aktiviti tersebut merupakan subset daripada keseluruhan proses pengurusan rantai bekal dan logistik menjadi kumpulan sumber yang menyokong pergerakan barangan dalam rantai bekal (Jaafar et al., 2016; Lummus et al., 2001). Pada 2013, industri logistik di Malaysia telah mengorak langkah ke hadapan apabila Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mula menawarkan skim pensijilan halal bagi perkhidmatan logistik (Ab Talib et al., 2017). Logistik halal dianggap sebagai langkah utama dalam perdagangan halal. Ia bertujuan untuk menjaga integrasi produk halal bermula daripada penghantaran, pengedaran dan penyimpanan bahan mentah hingga kepada pengguna. Peranan logistik halal telah diterima dan diimplimentasi diseluruh dunia seiring dengan peningkatan masyarakat Islam dan kesedaran masyarakat bukan Islam terhadap kebersihan yang menjadi asas terhadap kehalalan sesuatu produk dan perkhidmatan. Menurut Kim, Saffinee, dan Jamaludin (2019), beberapa pelabuhan besar di Eropah yang meyoriti masyarakatnya bukan Islam seperti Marseille dan Rotterdam telah mengadaptasi logistik halal dengan berpandukan manual khusus dalam menyiapkan gudang penyimpanan khusus untuk kargo halal dengan membuat pengasingan daripada kargo tidak halal. Melihat dari perspektif halal, Tieman (2011) dan Ab Talib et al. (2015) menjelaskan halal logistik merupakan proses pengurusan perolehan, pergerakan, penyimpanan, dan pengendalian bahan atau bahagian, makanan atau bukan makanan, maklumat dan pendokumentasian, serta mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Ia bertujuan untuk menjaga integriti halal daripada pencemaran silang bukan sahaja dalam industri makanan dan minuman, tetapi juga barang gunaan, farmaseutikal, kosmetik, dan peranti perubatan (Faradina et al., 2018). Terdapat banyak kajian akademik telah dilaksanakan, contohnya mengenai bekal makanan halal (Omar & Jaafar, 2011), inovasi dalam halal logistik (Jaafar et al., 2011; Rahman, 2019), integriti rantai bekal makanan halal (Majid et al., 2019; Soon et al., 2017) dan kesediaan penyedia perkhidmatan logistik pihak ketiga dalam mengaplikasikan prinsip halal (Haleem & Khan, 2017; Karia & Asaari, 2016; Selim et al., 2019). Pengiktirafan halal rantai bekal sebagai bidang dalam penyelidikan akademik tidak diragui dan trend penggunaan dalam kalangan pengguna kini bukan sahaja tertumpu kepada produk halal semata-mata, tetapi turut melihat halal dari sudut logistik dan rantai bekal (Nor et al., 2016; Nordin et al., 2015). Walau bagaimanapun, kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang tidak konsisten dalam membentuk logistik halal, sekali gus mendorong pengkaji untuk melaksanakan kajian konsep ini bagi menjelaskan keperluan untuk mewujudkan beberapa faktor standard yang kritikal bagi melihat keberkesanan dan kejayaan dalam halal logistik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor keberkesanan dan kejayaan terhadap halal logistik berdasarkan *Critical Success Factors* (CSF). Kertas konsep ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama memberikan penjelasan ringkas berkaitan industri halal dan bahagian kedua

berkenaan dengan takrifan pengurusan halal logistik. Sehubungan itu, kajian terdahulu mengenai pengurusan rantai bekalan konvensional dan CSF turut dinyatakan dalam bahagian kedua. Kaedah kajian bagi kertas konsep ini dinyatakan pada bahagian ketiga. Pada bahagian keempat, pengkaji membincangkan secara meluas ulasan literatur tentang penggunaan CSF dengan pengurusan halal logistik. Akhir sekali, pengkaji membentangkan kesimpulan dan batasan bagi kertas konsep ini.

Kajian Literatur

Critical Success Factors (CSF)

Konsep Faktor Kejayaan Kritikal (CSF) diperkenalkan oleh Daniel (1961) dan kemudian dikembangkan oleh Rockart (1979). Daniel (1961) mengusulkan bahawa pendekatan pengurusan harus selaras dengan faktor-faktor yang kritikal bagi kejayaan sebuah organisasi, dan kegagalan untuk melakukannya akan menyebabkan kegagalan organisasi. Pengurus peringkat atasan perlu mengenal pasti maklumat yang penting supaya tindakan dan langkah pembetulan yang diperlukan dapat dilaksanakan (Rockart, 1979). Dalam definisi yang lebih mudah, Digman (1990) menyatakan bahawa CSF adalah kawasan di mana segala perkara harus berjalan lancar bagi perniagaan untuk berkembang. Oleh itu, CSF dapat menjadi alat untuk mengenal pasti kekuatan sebuah organisasi, memanfaatkan peluang yang ada untuk mencapai sasaran yang diinginkan. Ini dapat disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Munro dan Wheeler (1980) yang menunjukkan bahawa kaedah CSF adalah teknik yang boleh dipercayai dan berjaya mengenal pasti perkara-perkara penting bagi pengurus atasan (Martin, 1982; Rockart, 1979). Shankar et al. (2018) telah menyatakan CSF sebagai alat pengukuran, organisasi dapat mengukur prestasi mereka secara objektif, mengidentifikasi kelemahan atau kejayaan, dan mengarahkan usaha mereka untuk mencapai matlamat jangka panjang.

Walaupun CSF awalnya digunakan untuk perancangan sistem maklumat pengurusan (MIS) (Martin, 1982) pelbagai kajian telah mengaplikasikan konsep CSF dalam bidang dan fungsi lain. Sebagai contoh, Almahameed dan Obidat (2023) membincangkan CSFs dalam e-dagang sosial iaitu penggunaan media sosial dan platform komuniti dalam aktiviti jual beli secara dalam talian, Peter et al. (2023) menghuraikan CSF terhadap usahawan sosial luar bandar, Giulia et al. (2023) mengaplikasikan CSF dalam perilaku kepimpinan dan kerja berpasukan dalam organisasi kesihatan dalam menghadapi pandemik Covid-19, Mitali et al. (2023) mengenal pasti CSF terhadap e-pendidikan di India, Chin et al. (2008) menggunakan CSFs untuk strategi persaingan, Lin et al. (2004) mengaplikasikan CSF dalam segmen pemasaran internet, manakala Wong (2005) berjaya mengenal pasti CSF untuk melaksanakan pengurusan pengetahuan dalam perusahaan kecil dan sederhana. Berdasarkan kajian-kajian lepas, dapat dibuktikan bahawa konsep CSF ini telah dilaksanakan dan diaplikasikan di dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, pendidikan, pengurusan, mahupun teknologi maklumat.

CSF dalam pengurusan logistik

Pelbagai kajian mengenai CSF telah dijalankan dalam bidang pengurusan logistik dan ini menunjukkan bahawa CSF telah digunakan secara meluas dalam konteks pengurusan logistik konvensional. Sebagai contoh, Gunasekaran dan Ngai (2003) telah mengkaji tentang syarikat logistik bersaiz kecil dan sederhana agar berkembang dan bertransformasi menjadi syarikat logistik pihak ketiga (3PL) yang komprehensif dan mencadangkan perancangan strategik, pengurusan inventori, perancangan pengangkutan, perancangan kapasiti, dan pengurusan maklumat sebagai CSF terhadap perkhidmatan logistik. Dalam pada itu, Mothilal et al. (2012) telah mengenal pasti CSF yang berkaitan dengan prestasi dalam sektor 3PL di India, iaitu

pelaburan dalam sistem maklumat, pekerja yang terlatih, dan integrasi rantai bekalan. Beberapa faktor yang dinyatakan oleh Mothilal et al. (2012) turut dikembangkan lagi dalam kajian Gupta et al. (2018).

Dapatan kajian Gupta et al. (2018) menunjukkan pengurusan dan pekerja yang komited, integrasi pengurusan logistik, penggunaan teknologi maklumat, pengurusan risiko, dan pemahaman terhadap keperluan pengguna merupakan faktor yang perlu diberi perhatian oleh penyedia perkhidmatan logistik atau disebut sebagai *Logistic Service Providers (LSP)*. Shankar et al. (2018) telah membagikan CSF dalam perkhidmatan logistik kepada empat dimensi iaitu kelestarian, dasar dan pengamalan, teknologi maklumat, dan kepuasan pengguna. Selain itu, CSF turut diguna dalam logistik terbalik atau disebut sebagai *reverse logistics* iaitu merujuk kepada aktiviti-aktiviti pengurusan aliran produk daripada pengguna akhir kembali ke saluran bekalan bagi tujuan pemulihan, kitar semula, atau pembuangan yang selamat (Agrawal et al., 2016). Agrawal et al. (2016) menyatakan kesedaran pengurusan atasan, pengurusan sumber, ekonomi, perundangan, keperihatanan pengguna, pengurusan teknologi maklumat, dan sistem percukaian merupakan faktor kritikal yang menyumbang kejayaan dalam pengurusan *reverse logistics*.

Dalam halal logistik, Tieman (2013) menyatakan faktor-faktor yang berkaitan dengan logistik dan rantai bekalan halal adalah pengangkutan, penyimpanan, dan operasi terminal. Dalam kajian yang sama, Tieman mengemukakan bahawa kejayaan pengurusan rantai bekalan halal bergantung kepada definisi yang jelas mengenai halal, keperluan proses halal, prosedur, penjejakan dan kebolehesanan, samak, pembungkusan dan penandaan, dan pensijilan halal. Selain itu, untuk memastikan kejayaan rantai bekalan halal dan mengurangkan risiko pencemaran silang, pengangkutan, penyimpanan, dan operasi pemprosesan mesti mematuhi undang-undang Islam dan memenuhi keperluan pasaran (Tieman et al., 2012). Oleh itu, dengan menghubungkan CSFs untuk pengurusan logistik konvensional dengan pengurusan logistik halal, beberapa faktor dapat diaplikasi serta dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikut, dan setiap faktor disokong oleh literatur terdahulu.

Metodologi Kajian

Memandangkan kertas konsep ini adalah untuk meneroka faktor kejayaan kritikal atau disebut sebagai *Critical Success Factors (CSF)* pengurusan halal logistik, kajian literatur adalah penting untuk memastikan tiada faktor penting pada kajian lepas diabaikan (Sekaran & Bougie, 2016). Literatur yang dikaji untuk kajian ini adalah daripada buku, artikel jurnal, kerja prosiding atau persidangan, dan akhbar. Tambahan pula, literatur diperoleh daripada pangkalan data seperti Scopus, Emerald, dan perpustakaan dalam talian Universiti Malaya. Google Scholar juga digunakan untuk mencari literatur berkaitan yang sepadan dengan kata kunci untuk tujuan literatur seperti: "Critical Success Factors (CSF), logistics management, halal, halal logistics, dan supply chain".

Dapatan Kajian

Logistik halal merupakan sebahagian daripada integriti halal untuk memastikan status produk halal dijaga dan dilindungi sepanjang proses rantai bekalan berlangsung. Jaafar et al. (2016) menjelaskan logistik adalah salah satu subset daripada rantai bekalan dan logistik halal merangkumi tiga jenis aktiviti utama iaitu pengangkutan, penggudangan dan peruncitan yang dikelaskan mengikut *Malaysian Standard* untuk logistik halal (MS 2400:2019). Berdasarkan kajian literatur, lima faktor yang mempengaruhi kejayaan dalam halal logistik telah dikenal pasti dan dibincangkan dengan lebih jelas.

Peranan pensijilan halal

Peranan pensijilan halal telah mendapat perhatian daripada ahli akademik dan profesional. Menurut Nakyinsige et al. (2012), produk yang mematuhi prosedur pensijilan halal memberi jaminan kepada pengguna bahawa produk tersebut selamat untuk digunakan. Pensijilan halal dalam industri logistik bukan sahaja dapat memastikan operasi logistik mematuhi *Standard Operation Procedure* (SOP) semata-mata, malah ia juga memberi nilai tambah kepada perkhidmatan logistik secara keseluruhan (Ab Talib et al., 2017; Tieman, 2011). Pensijilan halal dalam perkhidmatan logistik dilihat sebagai faktor keberkesanan dan kejayaan dalam logistik halal dan rantaian bekalan. Ab Talib et al. (2015) menjelaskan bahawa perkhidmatan logistik yang diperakui halal seperti pengangkutan dan penggudangan akan mengukuhkan lagi keseluruhan proses rantaian bekalan dengan pematuhan terhadap SOP yang ditetapkan dan selari dengan prinsip Syariah. Akhir sekali, pensijilan halal juga memberi impak kepada pasaran perniagaan halal yang lebih luas. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Aziz dan Chok (2013) menyatakan bahawa pensijilan halal memberi impak positif terhadap keputusan pembelian oleh pengguna, sekali gus membuka peluang yang besar kepada LSP khususnya syarikat 3PL untuk meneroka peluang perniagaan dalam logistik halal.

Sokongan Kerajaan

Menurut Gunasekaran dan Ngai (2003), sokongan daripada kerajaan diperlukan untuk melatih dan mendidik pekerja dalam syarikat logistik kecil serta bersaing dalam pasaran global. Seiring peningkatan pasaran halal ketika ini, kerajaan berperanan untuk membantu dan mempromosikan industri halal melalui penyediaan insentif untuk perniagaan halal, membiayai penyelidikan berkaitan industri halal melalui universiti dan institusi penyelidikan, serta penganjuran latihan halal kepada pengamal industri (Tan et al., 2012). Usaha dan inisiatif daripada institusi pengajian tinggi institusi akan memberi manfaat kepada kerajaan kerana dapat melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang halal (Ab Talib et al., 2014), sekali gus menyediakan platform yang kukuh kepada perniagaan halal untuk terus berkembang luas. Selain itu, Tan et al. (2012) menjelaskan bahawa inisiatif pengecualian cukai turut menggalakkan LSP untuk melabur dalam perkhidmatan logistik halal. Akhir sekali, dapat dilihat bahawa sokongan kerajaan terhadap industri halal menjadi faktor kepada keberkesanan dan kejayaan terhadap logistik halal.

Pengurusan pengangkutan dan penyimpanan

Pengurusan pengangkutan dan penyimpanan barangan halal memerlukan aset yang spesifik bagi tujuan pengasingan yang menyeluruh antara produk halal dan tidak halal. Menurut Gubbins (2003) aktiviti pengangkutan memudahkan syarikat pengantar untuk menghantar barangan dari satu tempat ke tempat yang lain serta membolehkan sesuatu dapat dipasarkan dalam pasaran global. Dalam konteks halal logistik, pengasingan pengangkutan dan penyimpanan juga merupakan teras yang digariskan oleh JAKIM bagi skim pensijilan halal perkhidmatan logistik. Ia bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya pencemaran silang semasa proses pengangkutan, pendedaran, dan penyimpanan (Tieman, 2013; Tieman et al., 2012; Ngah et al., 2015). Pengurusan sistem pengangkutan dan penggudangan yang berkesan dapat memastikan integriti halal dapat dikawal selia secara menyeluruh dan sempurna.

Teknologi maklumat

Aplikasi teknologi maklumat (IT) merupakan faktor penyumbang kepada kejayaan industri halal khususnya kepada syarikat perkhidmatan logistik (Ab Talib & Hamid, 2014). Haleem et al. (2021) menjelaskan LSP menggunakan aplikasi IT adalah mengekalkan integriti halal dan untuk meningkatkan kecekapan prestasi dalam rangkaian logistik dan rantaian bekalan. Selain

itu, penggunaan komponen teknologi maklumat untuk pengangkutan halal merangkumi pengesanan lokasi, identifikasi produk dan komunikasi data (Ab Talib et al., 2015). Tambahan pula, Tieman (2013) menyatakan bahawa teknologi maklumat diperlukan untuk mengawal operasi logistik secara telus dan akhirnya mengawal keseluruhan aktiviti logistik halal. Tan et al. (2012) menyatakan penggunaan IT dalam logistik halal seperti *Transportation Management System* (TMS), *Warehouse Management System* (WMS), *Electronic Data Interchange* (EDI), dan *Global Positioning System* (GPS) dapat mengawal dan mengurus aktiviti logistik dengan lebih berkesan. Dengan kemajuan IT ketika ini, ia turut menjadi faktor kejayaan dalam mengembangkan lagi logistik halal khususnya di Malaysia.

Kebolehkesanan halal

Kebolehkesanan halal merujuk kepada keupayaan untuk menjejak dan mengesan maklumat tentang sesuatu produk bermula daripada bahan mentah sehingga produk siap. Menurut Fernando et al. (2022), penggunaan teknologi kebolehkesanan membolehkan pihak pengeluar, LSP, dan pengguna mengesan sumber bahan mentah, penyimpanan produk, dan pendedaran produk. Fernando et al. (2022) menjelaskan lagi teknologi kebolehkesanan adalah penting untuk mengesan proses dan aktiviti logistik halal. Ia mempunyai impak yang besar terhadap perkhidmatan dan prestasi logistik halal. Proses ini memastikan pengguna mengetahui dan yakin bahawa produk yang digunakan mematuhi prosedur pensijilan halal dan prinsip Syariah. Di samping itu, Sistem Jaminan Halal atau disebut sebagai *Halal Assurance System* (HAS) dibangunkan untuk merekod butiran barangan halal. Nadzmi dan Iskandar (2020) menyatakan pembangunan HAS dalam industri halal membolehkan pengamal industri logistik halal mengelak daripada sebarang pencemaran terhadap produk halal serta mengikuti keperluan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM.

Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan literatur yang dibincangkan, jelas menunjukkan bahawa pengurusan halal dan logistik adalah relevan. Selain itu, konsep CSF yang dibincangkan dalam rantaian bekalan dan pengurusan logistik konvensional dapat diguna pakai dan dilaksanakan dengan logistik halal. CSF yang dikenal pasti dalam ulasan ini adalah penting untuk perniagaan halal secara umum dan penting untuk logistik halal secara khusus. Selain itu, Tieman (2011) menjelaskan bahawa pengabaian terhadap CSF akan memberi kesan terhadap integriti halal. Kertas konsep ini memberi sumbangan terhadap bidang logistik halal. Pertama, dimensi CSF boleh digunakan sebagai panduan dalam membangunkan instrumen penyelidikan akan datang sama ada melalui soal selidik mahupun temu bual. Kedua, hasil kajian ini menyumbang kepada pengetahuan sedia ada dalam bidang logistik dan rantaian bekalan halal serta mengukuhkan konsep CSF terhadap kajian dalam bidang pengurusan halal logistik. Kertas konsep ini turut mempunyai beberapa limitasi di mana kertas konsep ini hanya memfokuskan konsep CSF terhadap pengurusan halal logistik sahaja dan tidak memberi perhatian terhadap industri halal secara menyeluruh. Justeru, kajian akan datang dicadangkan agar menilai CSF dengan lebih tepat agar dapat diaplikasikan dalam pengurusan halal logistik supaya dapat mengembangkan lagi konsep CSF.

Rujukan

- Ab Talib, M. S., Abdul Hamid, A. B., & Zulfakar, M. H. (2014). Halal logistics PEST Analysis : The Malaysia perspectives. *Asian Social Science*, 10(14), 119–131. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n14p119>
- Ab Talib, M. S., Abu Rahim, M. A. R., Chin, T. A., & Abdu Hamid, A. B. (2017). Logistics Service Providers Perceptions on Halal Logistics Certification Logistics service providers ' perceptions on halal logistics certification Mohamed Syazwan Ab Talib * Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim. *Logistics Economics and Globalisation*, 6(March 2018), 311.
- Ab Talib, M. S., & Hamid, A. B. A. (2014). Halal logistics in Malaysia: A SWOT analysis. *Journal of Islamic Marketing*, 5(3), 322–343. <https://doi.org/10.1108/JIMA-03-2013-0018>
- Ab Talib, M. S., Hamid, A. B. A., & Zulfakar, M. H. (2015). Halal supply chain critical success factors: A literature review. *Journal of Islamic Marketing*, 6(1), 44–71. <https://doi.org/10.1108/JIMA-07-2013-0049>
- Agrawal, S., Singh, R. K., & Murtaza, Q. (2016). Prioritizing critical success factors for reverse logistics implementation using fuzzy-TOPSIS methodology. *Journal of Industrial Engineering International*, 12(1), 15–27. <https://doi.org/10.1007/s40092-015-0124-8>
- Almahameed, M., & Obidat, A. (2023). No Title. *International Journal of Data and Network Science*, 7(1), 163–174. <https://doi.org/10.5267/j.ijdns.2022.11.006>
- Aziz, Y. A., & Chok, N. V. (2013). The role of halal awareness, halal certification, and marketing components in determining halal purchase intention among non-Muslims in Malaysia: a structural equation modelling approach. *Journal of International Food & Agribusiness Marketing*, 25(1), 1–23.
- Chin, K. S., Chan, B. L., & Lam, P. K. (2008). Identifying and prioritizing critical success factors for coepetition strategy. *Industrial Management & Data Systems*, 108(4), 437–454.
- Daniel, D. (1961). Management information crisis. *Havard Business Review*, 39(5), 111–121.
- Digman, L. A. (1990). *Strategic Management: Concepts, Decisions, Cases* (2nd ed.). Business Publication.
- Faradina, A., Hussein, M. Z., Husny, Z. J., Yazid, M., Mazlan, Z., Rayner, T., Fauziah, A. R., Zani, M., & Adnan, N. (2018). Halal logistics: Halal integrity and legal enforcement challenges. *International Journal of Supply Chain Management*, 7(4).
- Fernando, Y., Wahyuni-TD, I. S., Zainul Abideen, A., & Mergeresa, F. (2022). Traceability technology, halal logistics brand and logistics performance: religious beliefs and beyond. *Journal of Islamic Marketing*. <https://doi.org/10.1108/JIMA-06-2020-0183>
- Giulia, P., Marco, D. A., Edoardo, P., Francesco Saverio, V., Dina, G., & Luca, P. (2023). The Impact of Mental Health Leadership on Teamwork in Healthcare Organizations: A serial Mediation Study. *Sustainability (Switzerland)*, 15(9), 7337.
- Gubbins, E. J. (2003). *Managing Transport Operation* (3rd ed.). Kogan Page.
- Gunasekaran, A., & Ngai, E. W. T. (2003). The successful management of a small logistics company. *International Journal of Physical Distribution and Logistics Management*, 33(9), 825–842. <https://doi.org/10.1108/09600030310503352>
- Gupta, A., Singh, R. K., & Suri, P. K. (2018). Prioritizing Critical Success Factors for Sustainable Service Quality Management by Logistics Service Providers. *Vision*, 22(3), 295–305. <https://doi.org/10.1177/0972262918786102>
- Haleem, A., & Khan, M. I. (2017). Towards successful adoption of Halal logistics and its implications for the stakeholders. *British Food Journal*, 119(7), 1592–1605. <https://doi.org/10.1108/BFJ-12-2016-0637>
- Haleem, A., Khan, M. I., & Khan, S. (2021). Understanding the Adoption of Halal Logistics through Critical Success Factors and Stakeholder Objectives. *Logistics*, 5(2), 38. <https://doi.org/10.3390/logistics5020038>

- Harlina Suzana Jaafar, Endut, I. R., Faisol, N., & Omar, E. N. (2011). Innovation in logistics services. *Halal Logistics*, 34665, 1–13. <https://mpr.ub.uni-muenchen.de/id/eprint/34665>
- Jaafar, H. S., Faisol, N., Rahman, F. A., & Muhammad, A. (2016). *Halal Logistics Versus Halal Supply Chain : A Preliminary Insight Halal Logistics vs Halal Supply Chain : A Preliminary Insight. October 2017*. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-1452-9>
- Karia, N., & Asaari, M. H. A. H. (2016). Halal value creation: its role in adding value and enabling logistics service. *Production Planning and Control*, 27(9), 677–685. <https://doi.org/10.1080/09537287.2016.1166276>
- Kim, T., Saffinee, S. S., & Jamaludin, M. A. (2019). Journal of Halal Industry and Services The Application of Halal Logistic in Korean Halal Industry : *Journal of Halal Industry & Services*, 2(1), 1–7.
- Lin, T. M., Luarn, P., & Lo, P. K. (2004). Internet market segmentation—an exploratory study of critical success factors. *Marketing Intelligence & Planning*, 22(6), 601–622.
- Lummus, R. R., Krumwiede, D. W., & Vokurka, R. J. (2001). The relationship of logistics to supply chain management: developing a common industry definition. *Industrial Management & Data Systems*, 101(8), 426–432.
- Majid, Z. A., Kamarulzaman, N. H., Rahman, A. A., & Suzana, H. (2019). Halal Integrity From Logistics Service Provider Perspective. *International Journal of Supply Chain Management*, 8(5), 1–9.
- Martin, E. W. (1982). *Critical Success Factors of Chief MIS / DP Executives*. 6(2), 1–9.
- Mitali, C., Rajesh, U., & Neeraj, C. (2023). An Empirical Investigation of Critical Factors Affecting Acceptance of E-Learning Platforms: A Learner’s Perspective. *SN Computer Science*, 4(3), 240.
- Mothilal, S., Gunasekaran, A., Nachiappan, S. P., & Jayaram, J. (2012). Key success factors and their performance implications in the Indian third-party logistics (3PL) industry. *International Journal of Production Research*, 50(9), 2407–2422. <https://doi.org/10.1080/00207543.2011.581004>
- Munro, M. C., & Wheeler, B. R. (1980). Planning , Planning , Critical Critical Success Factors , and Management ’ s Requirements. *Management Information Systems Research Center, University of Minnesota*, 4(4), 27–38. <http://www.jstor.org/stable/248958>
- Nadzmi, M. N., & Iskandar, M. L. (2020). *Factors Influencing Adoption of Halal Logistics among Warehouse Operators Malaysia Automotive Policy View project*. 1(1), 42–55. <https://www.researchgate.net/publication/343281346>
- Nakyinsige, K., Che Man, Y. B., & Sazili, A. Q. (2012). Halal authenticity issues in meat and meat products. *Meat Science*, 91(3), 207–214.
- Nor, M. R. M., Latif, K., & Ismail, M. N. (2016). Critical Success Factors of Halal Supply Chain Management from the Perspective of Malaysian Halal Food Manufacturers. *Nigerian Chapter of Arabian Journal of Business and Management Review*, 4(1), 1–23. <https://doi.org/10.12816/0031515>
- Nordin, N. A., Ibrahim, A., & Elias, E. M. (2015). [MAN 26] KESEDARAN DAN PENGETAHUAN TERHADAP HALAL LOGISTIK DI KALANGAN PENGUSAHA TRAK MAKANAN Nurhidayah Amirah Nordin 1 , Amlus Ibrahim 2 & Ezanee Mohamed Elias³. 813–821.
- Omar, E. N., & Jaafar, H. S. (2011). Halal supply chain in the food industry - A conceptual model. *2011 IEEE Symposium on Business, Engineering and Industrial Applications (ISBEIA)*, 384–389. <https://doi.org/10.1109/ISBEIA.2011.6088842>
- Peter, M., Derek, B., & Vilano, R. A. (2023). Interrelationship Among Critical Success Factors and Rural Social Enterprises’ Performance in a Developing Country Context. *Journal of Rural Studies*, 100, 102995. <https://doi.org/10.1016/j.jrurstud.2023.03.003>

- Rahman, N. A. A. (2019). Logistics Service Provider (LSP): Foundations, innovation and future research avenue. *Test Engineering and Management*, 81(11–12), 5818–5822.
- Rockart, J. F. (1979). Chief executive define their own data needs. *Harvard Business Review*, 57(2), 238–241.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach* (7th ed.). John Wiley & Sons.
- Selim, N. I. I. B., Zailani, S., Aziz, A. A., & Rahman, M. K. (2019). Halal logistic services, trust and satisfaction amongst Malaysian 3PL service providers. *Journal of Islamic Marketing*. <https://doi.org/10.1108/JIMA-05-2018-0088>
- Shankar, R., Gupta, R., & Pathak, D. K. (2018). Modeling critical success factors of traceability for food logistics system. *Transportation Research Part E: Logistics and Transportation Review*, 119. <https://doi.org/10.1016/j.tre.2018.03.006>
- Soon, J. M., Chandia, M., & Regenstein, J. Mac. (2017). Halal integrity in the food supply chain. *British Food Journal*, 119(1), 39–51. <https://doi.org/10.1108/BFJ-04-2016-0150>
- Tan, M. I. I., Razali, R. N., & Desa, M. I. (2012). Factors influencing ICT adoption in halal transportations: a case study of Malaysian halal logistics service providers. *International Journal of Computer Science*, 9(2), 62–71.
- Tan, M. I. I., Razali, R. N., & Husny, Z. J. (2012). The adpotion of halal transportations technologies for halal logistics service providers in Malaysia. *World Academy of Science, Engineering and Technolgy*, 6(3), 467–474.
- Tieman, M. (2011). The application of Halal in supply chain management: In-depth interviews. *Journal of Islamic Marketing*, 2(2), 186–195. <https://doi.org/10.1108/17590831111139893>
- Tieman, M. (2013). Establishing The Principles In Halal Logistics. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 1(1), 19. <https://doi.org/10.24191/jeeir.v1i1.9115>
- Tieman, M., van der Vorst, J. G. A. J., & Ghazali, M. C. (2012). Principles in halal supply chain management. *Journal of Islamic Marketing*, 3(3), 217–243. <https://doi.org/10.1108/17590831211259727>
- Wong, K. Y. (2005). Critical success factors for implementing knowledge management in small and medium enterprises. *Industrial Management & Data Systems*, 105(3), 261–279.